

Mitos dalam Piagam Murut Paluan Nabawan

Jacqueline Karimon* dan Shaiful Bahri Mohd.Radzi¹

¹Pusat Kelestarian, Warisan dan Kebudayaan Melayu, FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Mitos rencam sifatnya. Masyarakat Murut Paluan di Sabah khususnya di Nabawan menjadikan mitos sebagai tumpuan kepercayaan mereka. Perbincangan ini akan memberi tumpuan khusus kepada mitos sebagai cerita yang dianggap Kitab Suci yang memandu kehidupan mereka. Semangat realiti manusia dan kuasa ghaib menyatu sangat setia berpaksikan kepada mitos. Kisah mitos dijadikan sebagai dimensi pandangan hidup (*world-view*) yang mempunyai pengaruh membentuk adat resam, perayaan dan etos yang organik masyarakat peribumi etnik Murut dan dapat diuraikan dalam cerita rakyatnya. Amalan anutan pagan yang mewarisi kepercayaan warisan (*animisme*) merupakan anutan kelompok Murut Paluan yang terakam dan terpancar dalam paparan cerita mitos. Kedudukan Aki Kinapunoh, Aki Lungkaki Dobundol, Aki Atalau Lumalak, Aki Masundu, Aki Bambang Lumambai, Aki Salingaun dan Aki Luluga. Gelaran Aru kepada penjaga sungai, bukit, langit dan tanah serta Babalian sebagai pengenalan kosmologi kepercayaan yang diyakini dan berkuasa. Kisah autentik dipegang sebagai tunjang untuk menonjolkan dan mempertahankan pandangan hidup mereka yang mistik dan bermisteri. Sebagai sebuah masyarakat yang masih mempercayai sentimen terhadap kuasa-kuasa luar biasa, cerita-cerita mitos memberikan suatu landasan untuk patuh kepada peraturan, memaut keharmonian dan mengukuhkan perisai daripada serangan ruapan marah kejahatan. Amalan kepercayaan komuniti etnik Murut yang dianggap penting kerana mencecah kesucian dan kepercayaan yang melindungi dan membentuk nilai moraliti, ritual dan peraturan kehidupan seharian. Proses membuat dokumentasi dan analisis melalui kajian lapangan bertujuan untuk menyokong setiap keupayaan pengaruh mitos melalui penceritaan Aki Tuntunungon (*pencerita pakar*). Cerita-cerita ini menerangkan peristiwa dan kuasa alam untuk memahami kecenderungan condongnya bayang-bayang kepercayaan masyarakat Murut. Kisah penceritaan mitos ini juga merupakan tiang yang menyokong kehidupan mereka yang dianggap mempunyai kebenaran yang tinggi sehingga ke hari ini.

Kata Kunci: Mitos, Kepercayaan, Pandangan Hidup, Kitab Suci Murut, Pengaruh Terhadap Budaya.

PENGENALAN

Murut etnik yang unik. Keunikan ini memberikan dimensi berbeza dengan etnik yang lainnya di Sabah. Tradisi yang menebal dan autentik mencetuskan persembahan variasi budaya yang memukau. Kehadiran mereka boleh dijejaki di bahagian pedalaman Sabah yang masih berhutan tebal dan sukar dicapai oleh pembangunan. Secara khususnya jika diklasifikasikan mengikut kelompok subetnik, terdapat 12 pecahan subetnik Murut di Sabah. Seorang pengkaji bernama Spitzack (1984:187-189), membuat pengkategorian bahawa etnik Murut terdiri daripada subetnik Tahol, Murut Gana, Murut Keningau (Nabai), Murut Timugon, Murut Beaufort, Murut Bookan (Tangara), Murut Sumambu/Tagal, Murut Kolod (Okolod), Murut Selungai, Murut Sembakung, Murut Kalabakan dan Murut Serudung. Salah satunya ialah subetnik Murut Paluan. Subetnik ini merupakan subetnik yang dapat dibezakan dengan Murut yang lainnya. Masyarakat Murut Paluan tidak mempunyai perbezaan yang terlalu ketara dengan masyarakat Murut lain khususnya Murut Tahol di Daerah Nabawan. Kelompok ini hidup dalam lingkungan yang masih dipengaruhi oleh adat yang masih menebal. Justeru, kehidupan mereka masih mempunyai ikatan

*Koresponden: acqlindejj_89@yahoo.com

yang erat dengan hutan mereka mengamalkan kehidupan pertanian tradisional seperti berburu, menanam padi, getah dan kelapa sawit. Selain itu, mereka juga turut menanam ubi kayu dan sayur-sayuran sebagai sumber makanan harian mereka. Golongan lelaki lebih cenderung akan meninggalkan rumahnya untuk berburu dan mendapatkan makanan di dalam hutan. Aktiviti tradisional mereka ini memberi gambaran akan hidupnya amalan tradisi yang masih hidup berlegar dalam kehidupan mereka antaranya adalah amalan kepercayaan tradisi.

Kepercayaan ini termasuklah pengetahuan yang berhaluan mengenai dunia supernatural. Konsep pegangan ini mempunyai kepentingan dalam kehidupan seharian. Kehidupan sosial mereka sangat dimanipoli oleh pemikiran yang berkaitan dengan undang-undang dan moral yang bukan hanya mengenai sesama manusia namun hubungan dengan alam ghaib. Kebolehan mereka berhubung dengan alam ghaib merupakan fenomena yang sangat menarik untuk ditelusuri. Tidak hairanlah masyarakat Murut Paluan mempunyai kepercayaan yang pelbagai dan pembentukan budaya yang beraneka dan menarik. Namun begitu, kerencaman budaya dan tradisi ini jugalah yang telah melindungi banyak pengaruh mitos dalam kepercayaan masyarakat Murut Paluan. Sehubungan itu, sebagai penceritaan yang penting untuk mengendalikan sistem nilai masyarakat Murut Paluan susuk *Babalian* sangat dianggap tinggi sebagai orang yang bijaksana untuk mengatur piagam atau peraturan moral dunia masyarakat Murut Paluan. Bahagian yang paling menonjol dikendalikan dan diketuai oleh *Babalian* ialah mengendalikan upacara ritual yang banyak berhubung dengan kosmologi masyarakat mereka. Piagam ritual akan wujud demi melindungi masyarakatnya apabila berlaku krisis (*crisis*) dengan semangat dunia alam sakral. Kehidupan mereka ini adalah untuk mencapai hubungan yang baik, penyembuhan serta mengelakkan tindakbalas bencana yang menghantui. Kebaikan dan hukuman diturunkan daripada pihak penguasa tertinggi iaitu *Aki Kinapuno*. Sebaliknya, pihak alam kejahatan yang diganggu akan menyebarkan penyakit, kemalangan dan nasib terbelunggu dunia mistik. Peradaban masyarakat murut yang dilindungi oleh piagam-piagam ini kemudian menyerap masuk ke dalam hukum makhamah Anak Negeri yang didasari oleh kepercayaan tradisional. Peraturan yang melalui revolusi ini membolehkan masyarakatnya zaman sekarang masih bertunjangkan kepada kepercayaan lama untuk melindungi moral masyarakatnya.

MITOS

Mitos nadi kepada budaya primitif. Secara etimologi, mitos (*myth*) berasal daripada perkataan Yunani (*muthos*), etimologi ini mengetengahkan tindakan pertuturan oleh seseorang atau bertutur. Cerita mitos menceritakan cerita yang menyumbang mesej cerita yang berperanan menjelaskan tentang kejadian alam, kewujudan manusia luar biasa yang separuh dewa, para pahlawan ataupun makhluk luar biasa yang dikagumi oleh penganut sesebuah kebudayaan (Kirk 1984:53-61).

Pengaruh mitos telah membuatkan budaya masyarakat pendukungnya tetap bernafas dan memiliki rohnya tersendiri. Roh ini bernafas memangku adat, pantang larang dan cara hidup tersusun untuk mengawal dan melindungi kepercayaan. Mitos adalah penceritaan peristiwa ibarat khayalan yang tercermin untuk memuaskan hati segelintir pendengarnya ketika ditampilkan sebagai cerita yang penuh dengan kisah yang memukau. Terdapat interpretasi yang hanya menganggap mitos sebagai penambah perisa untuk menonjolkan budaya agar lebih memukau didengar dan dikhayalkan. Ungkapan tersebut telah mengaburkan fungsi mitos kerana dianggap sebagai cerita dongeng dan bukan cerita yang mempunyai kebenaran. Rentetan itu, kebenaran mengenai mitos seolah-olah tidak mempunyai sandaran yang kukuh untuk ditegakkan. Sebaliknya dianggap sebagai fantasi, fiksi, cerita rekaan yang sarat dengan pembongkaran. Persepsi ini wujud kerana terdapat cerita-cerita yang tidak dapat ditanggapi secara rasional oleh akal manusia. Justeru, perkara ini telah memberikan kesan yang suram dalam kajiannya terutama dalam masyarakat yang telah terdedah kepada kepercayaan agama yang kuat melingkari kehidupan mereka masa kini.


Sementara itu, terdapat perbincangan lain yang melihat cerita mitos mempunyai kewibawaannya yang tersendiri dalam mengetengahkan cerminan keadaan masa lalu. Isi cerita mitos yang dianggap sebagai kebenaran oleh kelompok masyarakat pendukungnya kerana mengandungi kepercayaan mereka. Ahli antropologi menegaskan bawa mitos adalah cerita-cerita berasas yang telah membentuk kepercayaan terhadap pandangan hidup tertinggi manusia. Penceritaan yang berkisar mengenai kesucian, ketuhanan, permulaan penciptaan dan kekuasaan merupakan kewibawaan mitos dalam mempengaruhi kepercayaan sesebuah masyarakat awal. (Bascom 1984:9), mengukuhkan penyelidikan di atas apabila beliau mengakui bahawa cerita mitos mempunyai watak yang mempunyai kebolehan yang luar biasa dan berlainan kerana watak yang ditonjolkan memiliki keupayaan supernatural. Alasan pandangan sebgini mengukuhkan dasar kepercayaan pengkaji sehingga kini untuk membuat kajian. Justeru, mereka berusaha mencari dan menggali logik dan pesanan yang dianggap terkandung dalam cerita mitos.

Kepentingan mitos semakin terserlah apabila dianggap sebagai konstruksi kepada budaya sesebuah masyarakat. Mitos yang lahir dalam masyarakat yang tradisional telah menampilkan ciri-cirinya yang difokuskan kepada hal-hal yang berkaitan dengan asal usul kepercayaan dan pandangan hidup sesebuah masyarakat. Semua cerita mitos ini bersumberkan daripada dunia alam ghaib namun difokuskan kepada kegiatan manusia di bumi. Semua ini tidak lepas daripada amalan kepercayaan, pantang larang dan adat resam yang diamalkan oleh mereka. Oleh itu, mitos adakalanya tampil dengan penciptaan, cerita ketuhanan, dewa-dewi dan kesucian serta asal-usul sesuatu tempat. Sifat-sifat mitos sebegitulah yang telah menjadikannya sebuah cerita yang diyakini dan dipercayai benar kerana menjelaskan fenomena yang terjadi di sesebuah tempat.

Warisan cerita mitos yang disampaikan melalui pertuturan lisan telah memberikan kesan yang sangat mendalam kepada susunan pola budaya kerana didalamnya terdapat kepercayaan. Istilah mudahnya, mitos merupakan akar kepada permulaan bagi sesebuah budaya yang berkembang dan bergerak dinamik. Sehingga mitos dapat mempengaruhi kecondongan pandangan hidup mereka terhadap pegangan kepercayaan. Sistem kepercayaan pagan atau animisme memberikan kesan unik cerita mitos kepada perbincangan yang seterusnya. Kepercayaan mengenai wujudnya roh, semangat, dan kuasa supernatural adalah tiang kepada cerita mitos. Kepercayaan ini utuh sekian waktu yang menjadi piagam dan peraturan sesebuah kehidupan bermasyarakat.

Justeru, isu mengenai peranan mitos ini diterangkan dengan menggunakan teori yang digagaskan oleh Bronislaw Malinowski (1954), beliau merupakan seorang ahli antropologi yang terkenal dan telah banyak menyumbang kepada kajian teori fungsionalisme (*functionalisme*). Teori ini menjelaskan kepada kajian mengenai antropologi yang berkaitan dengan fungsi organism (manusia) dalam kehidupan yang berbudaya dalam sesuatu kawasan. Malinowski turut menggunakan teori fungsi dalam kajiannya di sebuah pulau di pantai Lagun Trobriand dan merungkai mengenai fungsi mitos dalam kehidupan masyarakat tersebut. Beliau membuat penelitian yang lama dan panjang untuk menjawab isu mengenai fungsi mitos. Kelebihan kajian ini adalah kajian menggunakan metodologi kajian lapangan secara langsung. Sehubungan itu, dengan bersandarkan kepada kekuatan kajian etnografi beliau telah menjalankan suatu dapatan yang agak memuaskan sehingga beliau mampu memahami latar budaya, adat, sistem ekonomi dan kepercayaan masyarakat setempat.

Pembinaan idea dan jawapan isu kepada penulisan ini bertunjangkan kepada teori fungsional dalam mitos. Beliau memberi landasan untuk menjawab secara tuntas isu fungsi mitos. Setiap data yang digunakan dalam kajian Malinowski menjawab isu sosial yang berlaku dalam kawasan kajiannya. Oleh itu, teori fungsionalisme mitos (*The functional myth theory*) yang digagaskan sendiri oleh pakar antropologi meletakkan cerita mitos mempunyai fungsi dan hubungan istimewa dan institusi sosial manusia. Salah satu intipati atau rangka kepada teori mitos tersebut ialah *the role myth in life* (Peranan mitos dalam kehidupan) iaitu *Myth as a chaters* (Mitos sebagai piagam).



Rajah 1. Teori fungsional mitos oleh Malinowski.

Peranan mitos sebagai medium kawalan yang kuat dalam kalangan masyarakat primitif telah meyakinkan Malinowski bahawa mitos itu sebagai piagam. Piagam ini bertindak untuk memberikan ketetapan bagaimana seharusnya manusia bertindak seperti yang dikehendaki, sumber kebijaksanaan dan pengetahuan kepada penduduk setempat. Selain itu, bagaimana seharusnya mereka membawa perwatakan yang diinginkan dalam lingkungan aturan budaya mereka. Secara keseluruhannya, mitos sebagai paksi yang mengawal adat resam, nilai moral, amalan ritual dan keseluruhan cara hidup manusia di tempat tersebut. Tanggapan bahawa cerita mitos yang dianggap suci dan mempunyai isi yang dianggap tinggi telah mengangkat sistem kepercayaan Masyarakat Murut Paluan. Walaupun diakui proses budaya itu adalah dinamik dan sering berubah serta memberi kesan kepada isi penceritaan mitos namun cerita mitos ini masih lagi memberikan kesan dalam melindungi, mengawal dan melaksanakan proses moraliti masyarakat Murut Paluan di Nabawan.

MITOS SUMBER KOSMOLOGI KEHIDUPAN MURUT

Ibarat Alkitab suci kepada penganut agama Kristian, Al-Quran kepada penganut agama Islam. Malinowski (1954:78), mengakui bahawa cerita mitos merupakan piagam dalam kisah suci yang hidup dalam ritual manusia kerana mengawal sistem iman dan kepercayaan. Mitos juga dijadikan sebagai pandangan hidup kepada kehidupan bagi masyarakat Murut Paluan di Nabawan. Keterasingan dan jangkauan pembangunan yang masih lagi lembab menyebabkan sesetengah penduduknya masih terikat akan kepercayaan tradisional ini. Mitos seolah-olah dokumen sosial yang tidak ternilai kerana masih dijadikan alat kepada pengawal kepada norma-normanya. Cara praktikal ini adalah sangat menyokong pandangan Malinowski (1954:78), bahawa mitos sebagai alat untuk menyatakan, meningkatkan dan menghuraikan kewujudan, melindungi serta menguatkuasakan moral.


Sifat mitos yang memberi gambaran, menyampaikan dan menyimpan memberikan landasan jelas kepada masyarakat pendukungnya untuk bertindakbalas kepada mesej atau isi cerita yang disampaikan. Penceritaan ini telah menciptakan hubungan istimewa antara manusia dan kehidupan alam gahib yang tidak kelihatan. Imej penceritaan itu dijadikan sebagai piagam, panduan dan tembok untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dilakukan. Budaya yang melatari mereka banyak dikawal oleh cerita-cerita mitos bagi menghalang mereka

daripada melanggar dan memusnahkan hubungan istimewa diantara pencipta, penjaga tempat mereka tinggal dan penghuni alam ghaib. Kepercayaan terhadap roh-roh jahat dan hitam juga adalah menebal dalam kalangan Murut Paluan. Mereka percaya terhadap gangguan alam ghaib yang tidak kelihatan. Penghuni alam ghaib dalam masyarakat Murut Paluan dipanggil *mangkisam* (hantu), *ampangalar* (roh jadi-jadian menyamar sebagai binatang), *undau* (makhluk kecil), *ulun ayo* (Orang besar) dan *saitan* (Syaitan). Makhluk-makhluk ini tinggal di alam ghaib namun dipercayai mampu menampakkan diri. Kemunculan satu demi satu watak dalam mitos telah membina kosmologi yang lengkap yang berjalan seiring dengan kehidupan mereka sebagai manusia.

Kesedaran ini menjadi keinginan untuk berpaut dan berharap kepada kuasa yang tinggi iaitu *Aki Kinapuno*. *Aki Konapuno* seumpama magnet yang menarik perhatian masyarakat Murut Paluan untuk mengalihkan kepercayaan mereka terhadap kekuatan, belas kasihan dan kebijaksanaan. Kedudukan tertinggi yang menjadi tempat *Aki Kinapuno* bersemayam menjadikan susuk ini dihormati dan ditakuti. Menurut informan Karimon Lumaing (2019), *Aki Kinapuno* merupakan Tuhan yang sangat berkuasa. Terbentuk daripada api dan air dan merupakan sumber kehidupan dan permulaan bagi kehidupan. Api dan air dilambangkan sebagai cahaya, kekuatan, pemusnah, panas dan sejuk. Susuk ini dipercayai sangat besar, agung dan memegang kuasa yang tinggi dalam tujuh lapisan langit. *Aki Kinapuno* merupakan kisah mitos yang digambarkan dalam kosmologi Murut Paluan memerintah bumi. Sumbangan cerita mitos telah memberikan dokumentasi kepada kepercayaan masyarakat Murut Paluan terhadap kuasa spiritual yang menyusul dalam struktur kosmologi mereka. Figura ini dipuja, dipersembahkan dengan korban binatang dan dihadapi dengan hati-hati untuk menjaga sistem kosmologinya agar tidak mendatangkan kerugian nestapa kepada kehidupan manusia.

Kedudukan mitos yang tinggi telah menyusun nilai-nilai dan norma masyarakat Murut Paluan agar mempunyai keserasian dengan penghuni alam ghaib. Setiap cara pandang mereka terhadap alam sekeliling seperti hutan yang rapat dengan kehidupan mereka dijalani dengan tertib dan hati-hati. Pergerakan mereka dikawal rapi oleh cerita mitos yang terakam dalam pengetahuan mereka agar harmoni dan tidak dicemari bencana. Penceritaan mitos memerlukan kebijaksanaan untuk mentafsirnya berdasarkan kepada fungsi. Analisis fungsi folklor menurut Bascom (1965: 3-20), menyatakan bahawa folklore berfungsi sebagai alat pendidikan, pelarian, hiburan dan pengesahan (perakuan tingkah laku yang diterima, pencerminan budaya). Justeru, mitos merupakan hasil kutipan folklor maka fungsi tersebut mempunyai hubungan untuk menghubungkan fungsi cerita mitos dengan kehidupan manusia sebagai pengesahan budaya.

Sistem penyusunan kosmologi Murut Paluan memberikan gambaran luasnya peranan cerita mitos membentuk struktur tersebut. Setiap salah satu watak suci ini dipercayai oleh masyarakat Murut Paluan mempunyai peranan penting untuk mengawal bumi dan kehidupan masyarakat peribumi. Sub cerita mitos ini dikayakan dengan peranan oleh setiap watak suci yang menduduki lapsian tersebut. Mereka dianggap sakti, suci dan selalu ingin menjadi rapat dengan kehidupan manusia di bumi. Kosmologi ini telah disusun mengikut cerita mitos masyarakat Murut Paluan di Nabawan.




Rajah 2. Kosmologi Murut Paluan.

Sumber: Informan Azman Lungkung (2019).

MITOS DAN PIAGAM

Masyarakat Murut Paluan menyusun dan mengukuhkan kepercayaan mereka melalui cerita mitos masa lampau. Mitos dimanfaatkan untuk membuat penegasan kepada masyarakatnya mengenai susunan piagam yang terbentuk secara organik. Sesuatu kejadian ditanggapi berpandukan cerita mitos untuk memberi justifikasi apa yang perlu mereka lakukan apabila menanggapi kejadian-kejadian di sekeliling mereka. Beberapa piagam yang diambil daripada cerita-cerita tertentu yang diyakini berasal daripada cerita mitos. Cerita ini menjadi penghubung antara dunia manusia dan kosmologi masyarakat Murut Paluan. Selain itu, cerita-cerita ini dilihat telah memandu komuniti mereka untuk membentuk perlakuan secara kolektif bagi memuliakan kuasa tertinggi dalam kosmologi masyarakat Murut. Kuasa yang diagung-agungkan masyarakat Murut Paluan untuk menyatakan status *Aki Kinapuno* begitu penting untuk menjaga dan melindungi mereka daripada keanehan dan keganjilan alam yang mengganggu kehidupan mereka sebagai manusia yang berpangkat bawahan di bawah langit. Rajah di bawah merupakan piagam masyarakat Murut Paluan yang terbentuk kerana tanggapan mereka terhadap cerita mitos. Walaupun bukan dalam bentuk catatan dan tulisan namun dapat dituntaskan dalam tindakan praktikal mereka.



Rajah 3. Piagam Murut Paluan berdasarkan kepada versi cerita mitos yang dipercayai telah menjadi permulaan kepada tindakan untuk menetapkan piagam.

Penyusunan piagam dan panduan ini juga digunakan dalam menyatakan bahawa wujud hubungan mitos dalam kehidupan hukum adat masyarakat Murut Paluan. Cerita mitos ini kemudian menyerap di dalam konteks sosialnya. Seorang *Babalian* dan pemegang adat (*ulun matuo*) orang tua pada kebiasaannya akan menjadikan cerita ini sebagai iktibar dan menjadi piagam sebagai rujukan masyarakatnya. Piagam tersebut telah melalui proses kenyataan yang dipraktikkan dalam kehidupan yang sebenar. Sesuai dengan alur inti piagam maka setiap piagam yang diperkenalkan mempunyai hubungan dan tujuan disampaikan dan diceritakan. Piagam ini terbentuk daripada rasa percaya perbuatan *Aki Kinapuno* yang memberikan kuasa, semangat dan roh kepada alam ciptaanya. Masyarakat Murut mempercayai bahawa semangat dan roh ini menyatu dengan mereka dan dianggap sebagai kepercayaan yang membawa kesan kepada kehidupan mereka. Menurut Rahmat S.H (1979:32), tenaga ghaib yang tersimpan dalam makhluk dan objek itu boleh dikeluarkan dan memberi faedah kepada manusia dalam bentuk magis. Sementara itu, Hayat (2003), menyatakan ritual yang dilakukan oleh manusia tidak terlepas dari hubungan dengan alam iaitu supaya alam tidak murka kerana alam melambangkan Tuhan.

Masyarakat Murut mempunyai pengalaman *world view* (pandangan hidup) yang hampir sama seperti masyarakat yang lainnya. Mereka mempunyai unsur nilai dan norma dalam kehidupan seharian bagi membentuk identiti Murut yang menghormati semangat alam. Unsur nilai dan norma ini digunakan oleh masyarakat pendukungnya untuk mengawal kehidupan dan memelihara sistem budaya yang mencorakkan kehidupan mereka. Pegangan mereka banyak dipengaruhi cerita mitos kerana mereka terdedah kepada kehidupan alam yang masih menebal dan masih mengamalkan kemahiran tradisional untuk memahami sekeliling mereka. Mereka melihat sekeliling mereka sebagai sesuatu yang misteri, mempunyai roh dan pengaja tersendiri yang tidak dapat dijelaskan secara sentifik namun dapat difahami secara pemerhatian batin. Keadaan ini dapat diteliti dan difahami menggunakan pengajaran daripada cerita mitos sebagai sumber kepada pegangan dan kepercayaan mereka. Amalan-amalan ritual dan kepercayaan terhadap sekeliling mereka merupakan sumber piagam yang menyusun kertertiban perlakuan mereka.

Justeru, pandangan hidup ini adalah wujud daripada kepercayaan cerita mitos yang mengandungi prinsip-prinsip nilai moral, etos dan norma. Sebagai sebuah masyarakat yang bermula dengan kebolehan afalan untuk menyampaikan keseluruhan budayanya peranan mitos merupakan sarana untuk merumuskan keperluan pengawalan masyarakatnya. Menyedari hakikat ini proses

pengawasan itu paling ketara ditonjolkan dalam menjaga hubungan dengan alam ghaib. Kehidupan mereka yang banyak berhubung dengan dunia semangat dan roh alam spiritual melahirkan pengetahuan dan peraturan mendalam mengenai sekeliling mereka. Lingkungan cara berfikir itu terbentuk kerana seperti ungkapan Djamhari (1988), mitos adalah pemikiran yang sederhana, merupakan gugusan usaha untuk memahami dunia sekeliling, menjelaskan kehidupan dan kematian, takdir serta hakikat, memahami Tuhan dan pemujaan.

Cara pandang masyarakat Murut Paluan ini membolehkan satu piagam dibuat kerana fitrah manusia yang mahu melihat kebaikan, keselamatan, keharmonian dan keadilan dalam kehidupan sosial mereka. Mereka juga berpendapat bahaya krisis hidup yang bakal dihadapi adalah berkaitan dengan hubungan makhluk alam ghaib yang mengganggu kehidupan manusia kerana perbuatan manusia yang tidak terkawal. Makhluk ghaib ini benci akan kelakuan manusia yang tidak menghormati kehidupan mereka yang tidak boleh dilihat dan disentuh. Rentetan itu, seorang susuk yang arif dan berkemampuan untuk mendamaikan manusia dengan alam ghaib adalah diharapkan mampu memulihkan hubungan tersebut Ramesh Chopra (2005:742), menyatakan orang-orang animis melakukan beberapa penghormatan kepada roh ghaib agar tidak mendapat gangguan dan dalam masa yang sama untuk memohon bantuan daripadanya.

Hubungan sosiologikal dengan pengaruh alam supernatural telah diabadikan menggunakan tradisi lisan kerana masyarakat yang buta huruf. Cerita-cerita ini menjadi aktif kerana berfungsi sebagai cermin sosial kepada pendengarnya untuk dijadikan panduan dan pedoman hidup. Justeru, bagi melihat kuatnya kecenderungan mitos membentuk piagam masyarakat Murut Paluan beberapa cerita ditampilkan untuk mengeluarkan kerangka piagam tersebut. Beberapa cerita versi mitos dituturkan mempunyai hubungan dan alasan untuk melakukan perlakuan pengorbanan yang dipercayai sebagai piagam masyarakat Murut Paluan. Oleh itu, beberapa teks cerita yang dipanggil *guguliton* (cerita) diangkat oleh Ketua Adat dan mempunyai gelaran *Aki Tuntunungon* sebagai pakar dan penyimpan cerita ini dalam ingatan dan menyampaikannya. Menurut pencerita *Aki Tuntunungon* orang tua (*ulun matuo*) Musikin Ugau (2019), bahawa terdapat cerita di dalam versi cerita pertama yang bertajuk *Aru Kauli*:

Pada zaman dahulu, ada seorang suami isteri. Ketika mereka menghadapi krisis makanan. Padi, ubi, buah-buahan dan segala jenis tanaman lain tidak menjadi. Pada suatu hari, tiba-tiba seorang budak telah muncul di depan suami isteri tersebut dan mereka memelihara budak perempuan itu yang diberi nama *Aru Kauli*. Semakin hari budak tersebut menjadi semakin meningkat remaja. Bapa kepada gadis tersebut bermimpi, dalam mimpinya dia bertemu dengan seseorang yang memberitahunya dan berpesan. Susuk tubuh itu yang hadir dalam mimpinya dipercayai *Aki Kinapuno* supaya jika mereka inginkan makanan. Mereka perlulah mengorbankan anak mereka dengan membunuhnya.

Pada keesokan harinya, bapa kepada anak gadis ini berfikir dan berat hatinya untuk berbuat seperti dalam mimpinya. Namun kelaparan yang dialami mereka sudah terlalu lama dan sangat menyakitkan serta membawa penderitaan yang tidak dapat ditahan dan dikawal lagi. Setelah bermimpi selama tujuh hari mereka tidak dapat menahan kelaparan mereka. Bapa kepada gadis tersebut mengasah pedangnya. Dia mengambil alu iaitu tempat menumbuk padi dan meletakkan anak gadisnya di atas alu dan memotong kepalanya. Dia telah mengambil kepala anak gadis tersebut dan membuangnya ke hulu dan bahagian kakinya dibuangnya ke hilir. Kemudian dia terkejut melihat perubahan yang berlaku pada sekelilingnya apabila mendapati padi-padi mereka tumbuh subur dan berbuah. Gadis tersebut diberi nama *Aru Kauli*. Sehingga sekarang masyarakat Murut Paluan apabila mereka ingin menanam padi atau menanam tanaman mereka akan meminta *Aru Kauli* kerana mereka percaya makanan manusia mempunyai kaitan dengan keturunan *Aku Kauli*.

Cerita pengorbanan merupakan cerita mitos merupakan cerita yang signifikan didengar dalam beberapa kepercayaan etnik di Sabah. Menurut kepercayaan masyarakat Murut Paluan kepercayaan ini adalah untuk menghindari malapetaka, mengembalikan hubungan harmoni dengan Tuhan dan memberikan hidup yang aman kepada manusia. Cerita ini banyak berpusat

kepada cerita dewa-dewi, manusia yang mempunyai hubungan dengan Tuhan dan berstatus anak kepada Tuhan yang dihargai oleh Masyarakat Murut kerana telah dijadikan korban untuk memastikan bumi berada dalam keadaan stabil. Ritual pengorbanan setelah melalui bencana yang besar seperti kemarau panjang, kelaparan dan sumber makanan terhad. Justeru, Tuhan menghantar utusannya untuk dikorbankan dan menumbuhkan kembali makanan untuk keperluan manusia. Cerita yang berunsurkan pengorbanan ini memberikan gambaran cerita yang luar biasa. *Aki Tuntunungon* memberi bimbingan selepas mendengar cerita ini. Beliau akan menyeru agar diadakan perayaan untuk mengingati pengorbanan *Aru Kauli* yang telah menyelamatkan kehidupan manusia daripada kebuluran.

Masyarakat Kadazan Dusun dan Murut (KDM) di Sabah telah bergabung merayakan Pesta Kaamatan sebagai lambang menghargai kisah pengorbanan Tuhan mereka iaitu *Aki Kinapuno* (Murut) *Aki Kinorohingan* (Dusun) yang telah mengorbankan anaknya demi manusia. Walaupun cerita pengorbanan ini danuti oleh masyarakat lampau namun tidak dapat dinafikan bahawa mitos telah membina kepercayaan masyarakat Murut Paluan untuk mengakui akan pengorbanan suci oleh seorang gadis mulia. Kepercayaan ini menjadi piagam tradisi yang diraikan untuk memuja, menghargai dan menghormati semangat pengorbanan yang dipercayai mampu memelihara semangat padi untuk terus berbuah. Harris (1995:72-75) dalam kajian beliau mengakui bahaya terdapat semangat yang baik telah membantu masyarakat Murut yang bernama *Aru Kauli* (semangat padi). Semangat ini berfungsi untuk menyuburkan tanaman padi. Manakala Hanafi (2007:190), menyatakan bahawa ritual padi yang dilakukan oleh masyarakat Kadazan merupakan mitos yang menceritakan mengenai *Bambazon* (semangat padi) yang dikatakan merupakan roh anak perempuan Kinorohingan iaitu Tuhan pencipta. Cerita tersebut telah meresap dalam kepercayaan mereka. Tidak hairanlah jika sebelum dan selepas melakukan penanaman padi masyarakat KDM akan memuja semangat padi.

Memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat KDM merupakan adat yang terkandung dalam ritual dan beberapa peraturan yang perlu diambil kira. Mereka juga menjadikan upacara ini sebagai adat iaitu satu medium untuk mewujudkan struktur nilai yang mampu memberi peranan dalam masyarakat tersebut. Masyarakat KDM percaya bahawa semangat padi perlu dipuja agar padi akan mengeluarkan hasil yang banyak. Menurut Hanafi Hussin (2005:176), Semangat padi memerlukan layanan yang baik, jika manusia tidak memberikan layanan yang sebaiknya maka semangat ini akan pergi. Sifatnya dipercayai boleh dihadirkan dengan memujuk dan dipanggil. Informan Musikin Ugau juga menyatakan bahawa semangat padi ini boleh dikesan tinggal dalam padi tersebut jika padi mengeluarkan hasil yang banyak.

Disebalik kisah pengorbanan ini, cara fikir masyarakat Murut Paluan khususnya telah merakam sejarah pengorbanan *Aru Kauli* itu. Mereka percaya bahawa makanan yang dimakan mempunyai roh dan semangat hasil pengorbanan gadis yang bernama *Aru Kauli*. Mitos ini secara tidak langsung menimbulkan rasa hormat yang tinggi masyarakat setempat terhadap padi yang dijadikan makanan rugi. Tindakan mengulang penghormatan dilakukan ketika menanam padi, ubi atau buah-buahan dengan mengucapkan kata-kata pujian agar membuah hasil yang banyak dan berlipat ganda. Pemujaan ini dilakukan terutama sekali apabila hendak merendam bibit padi yang hendak ditanam menjadi anak padi sebelum dipindahkan ke sawah.

Seterusnya, piagam terbentuk dalam masyarakat Murut Paluan melalui versi cerita yang masih berkisarkan kesucian dan kekudusan. Cerita mitos memberi bayangan akan wujudnya pendatang dari alam ghaib untuk mengembara di dunia. Kemampuan yang luar biasa dewa-dewi ini telah memukau cara fikir manusia untuk menghormati dan meminta nasib yang baik daripada dewa-dewi yang menjelma sebagai manusia. Akibatnya, masyarakat Murut Paluan menjadi sedar untuk mengadakan pertukaran persembahan atau sasajian (*susubakin*) untuk memikat dan mengambil hati dewa-dewi tersebut. Selain itu, untuk menjaga hubungan dengan alam ghaib masyarakat Murut juga perlu mengadakan aktiviti ritual untuk memberi jamuan kepada makhluk-makhluk yang menjaga sesuatu kawasan.

Mereka percaya bahawa tempat yang pernah disinggahi oleh oleh dewa-dewi juga merupakan tempat keramat dan perlu diadakan pemujaan. Pemujaan ini dilakukan agar kawasan tersebut dijaga dan mampu terhidar daripada roh-roh jahat. Mereka percaya dimana ada dewa-dewi di situ juga roh-roh jahat sedaya upaya datang untuk merampas kawasan tersebut. Roh dan semangat jahat ini sedaya upaya membawa penyakit dan merampas keharmonian manusia. Justeru itu, Hassan Shadily (2012: 62), menyatakan bahawa jiwa dan roh perlu dilayan dengan hormat agar ianya tidak mengganggu kehidupan manusia atau mereka akan menghulurkan bantuan kepada kehidupan mereka. Kepercayaan sedemikian tidak jauh dengan kepercayaan etnik Kadazan dan Dusun mereka beranggapan bahawa berbuat perkara yang tidak sopan akan menjejaskan keseimbangan di antara dunia nyata dengan dunia ghaib sama ada sengaja atau tidak dan menyebabkan mereka jatuh sakit (Low dan Sri Ningsih 2003:47-59). Cerita ini boleh dilihat dalam cerita versi teks kedua yang diceritakan oleh *Aki Tuntunungon* orang tua (*ulun matuo*) Musikin Musikin Ugau (2019), yang bertajuk Tiangang Sinsilog.

Pada zaman dahulu. Ada seorang pemuda yang dinamakan sebagai Buayoi Babalung. Buayoi Babalung merupakan seorang lelaki yang mulia atau memiliki kemuliaan. Pada suatu masa dia pergi memburu. Dia pergi berburu yang diberi nama tempat Sungai Kaabuan yang terletak di Binuau di kawasan Sook. Dia melihat ke dalam sungai dan melihat terdapat ikan keli dan belut sedang berenang bersebelahan. Jadi dia memilih yang mana satu akan disumpitnya adakah ikan keli atau ikan belut tersebut. Buayoi Babalung berkata dalam hatinya dia hendak memilih ikan belut kerana memiliki saiz yang besar. Kemudian sesudah menyumpit ikan belut tersebut dia membawa ikan belut tersebut ke sebuah bukit yang diberi nama Tiangang Sinsilog. Dia membawa buluh dan memasak ikan belut tersebut di dalam buluh. Selepas memakan ikan belut tersebut dia mengambil tulang rusuk ikan tersebut dan membuang ke arah sempadan Nabawan. Padahal dia mendapat ikan tersebut di sebelah sungai Sook.

Peristiwa tersebut membuatkan ikan belut tidak didapati di mana-mana sungai Sook tetapi telah berpindah ke sungai-sungai Nabawan. Disebabkan peristiwa tersebut sesiapa yang melalui kawasan bukit Tiangang Sinsilog yang menadi laluan utama perlu membuat susubakin iaitu memberi sigup, duit dan tapai. Peristiwa tersebut telah memberi ikan belut kepada kawasan Nabawan dan mereka percaya bukit Tiangang Sinsilog mempunyai penunggu yang mulia iaitu Buayoi Babalung. Selain itu penunggu yang dinamakan 7 orang puteri dalam versi cerita berlainan juga yang singgah di Tiangang Sinsilog telah mengukuhkan lagi tempat tersebut merupakan tempat yang sakral dan suci.

Berdasarkan cerita di atas, terdapat cerita keramat yang berhubung dengan manusia luar biasa dan memberi pengaruh terhadap tempat yang disinggahinya. Winstedt (1924: 265-279) telah membuat kategori mengenai keramat di Semenanjung Tanah Melayu kepada beberapa kejadian keramat ini boleh dikategorikan kepada:

- i) objek alam seperti batu, busut dan bukit,
- ii) binatang suci seperti buaya dan harimau,
- iii) kubur bomoh,
- iv) kubur pengasas tempat
- v) Kubur wali Islam
- vi) Keramat hidup

Skeat (1900:673), menyatakan bahawa keramat dalam dunia Melayu berkait rapat dengan kekudusan (*sanctity*). Perkataan ini digunakan oleh orang Melayu untuk bintang, manusia, tumbuh-tumbuhan, kubur dan benda-benada lain. Justeru apabila perkataan keramat ini digunakan untuk sesuat tempat maka tempat tersebut dianggap tempat suci (*holy place*). Komuniti ini percaya *Buayoi Babalung* telah membuat suatu tindakan luar biasa iaitu menjadikan sungai-sungai di Nabawan mempunyai ikan belut. Penceritaan melalui peristiwa mitos ini telah

mencetuskan kesedaran kepada masyarakat Murut Paluan bahawa ada peristiwa ajaib yang berlaku. Mereka mulai membuat permintaan kepada *Buayoi Babalung* dan melakukan penghormatan untuk memohon perlindungan melalui jalan tersebut melalui *susubakin* (sasajian). *Susubakin* juga dipercayai untuk memenuhi permintaan *Buayoi Babalung* dan penjaga lain bukit tinggi tersebut supaya berbuat demikian. Memandangkan bukit tersebut telah dijadikan jalan utama yang menghubungkan daerah Nabawan, Sook dan Keningau.

Pemikiran dan pandangan hidup masyarakat Murut yang dikawal oleh mitos telah dijadikan panduan untuk memperbaiki kehidupan mereka. Kelompok masyarakat mulai mengambil iktibar daripada cerita mitos dan memastikan ianya dihormati dengan menjaga sikap, tindakan moral dan perlakuan yang sopan. Terdapat lagi satu versi cerita yang telah membina piagam masyarakat ini iaitu panduan supaya melakukan *rawak* atau *amparawak* jika manusia melanggar adat dan pantang larang tersebut. Terdapat satu kesalahan yang panas atau sangat berat jika dilakukan oleh masyarakat Murut yang dianggap tidak boleh diampuni. Kesalahan tersebut ialah seperti membunuh dan melakukan hubungan sumbang. Berikut merupakan cerita yang berlaku diantara lelaki perempuan yang didapati bersalah melakukan hubungan dianggap satu kesalahan (sumbang) tersebut sehingga mendatangkan bencana. Versi cerita ketiga ini diceritakan oleh *Aki Tuntunungon* orang tua (*ulun matuo*) Karimon Lumaing (2019) yang diberi tajuk *Ei Olop am Ei Ambui*.

Pada suatu masa dahulu di sebuah perkampunga Murut. Mereka hidup dalam keadaan yang aman. Pada zaman dahulu terdapat hubungan antara Olop dan Ambui mereka merupakan sepupu satu kali, mama dan bapa mereka merupakan adik-beradik. Hubungan ini merupakan hubungan yang sangat rapat dalam susunan sosial Masyarakat Murut Paluan. Memandangkan mereka mempunyai perasaan maka mereka telah menjalinkan hubungan terlarang. Olop telah mengandug. Tanaman mula tidak mengeluarkan buah, padi tidak mengeluarkan susu dan pokok tebu tidak mengeluarkan air, ubi juga tidak berisi manakala pucuk tumbuhan bertukar keriting dan berubah bentuk yang tidak menarik seperti diserang penyakit. Penjaga pokok iaitu Aru yang tinggal di pokok-pokok sangat terluka dan tidak mempunyai kuasa untuk memberikan makanan kepada pokok. Penjaga sungai juga menjadi lemah dan marah. Hubungan sumbang mereka telah menyebabkan kampung mereka telah mengalami kebuluran yang dasyat. Pada suatu masa Ketua Adat mereka bermimpi supaya diadakan upacara untuk menyejukkan kampung. Seorang gadis berkata bahawa kampung tersebut merupakan pemberian mereka kepada manusia dan perlu dijaga. Jadi untuk memulihkan keadaan kampung tersebut Olop dan Ambui mesti dibunuh dan dihapuskan untuk meredakan kemarahan penjaga kampung tersebut. Mereka telah dibunuh dan darah mereka diambil dan dibawa ke merata tempat untuk menumbuhkan kembali tanaman yang hampir mati dan tidak berbuah. Menurut inforaman Karimon Lumaing tanaman mempunyai perasaan dan kesuciannya sendiri yang pandai mendengar arahan *Aki Kinapuno* jika manusia melakukan perkara yang tidak baik. Kemarau akan datang dan kebuluran akan berlaku. Semua perbuatan sumbang dan tidak sopan perlu dilakukan penebusan yang dipanggil *rawak* atau *amparawak*.

Upacara *amparawak* atau membuang sial ini merupakan medium pengawalan terhadap ruapan marah *Aki Kinapuno*. Menurut informan Karimon Lumaing (2019), penjaga tanaman, sungai dan pokok dikurangkan kuasa mereka untuk menghukum manusia. Ini menunjukkan betapa berharganya manusia yang dijadikan *Aki Kinapuno* sebagai ciptaan yang berharga dan istimewa sehingga perlakuan tidak bermoral mendatangkan bencana yang mempengaruhi keinginan *Aki Kinapuno* sehingga menginginkan pengorbanan nyawa manusia sebagai perdamaian. Hal ini bermaksud, perlakuan baik akan mendatangkan limpahan berkat dan kebaikan manakala perbuatan terkutuk akan mendatangkan bencana kepada kehidupan manusia.

Justeru, berdasarkan cerita mitos di atas, korban perdamaian perlu dilakukan dengan menggunakan korban darah si pelaku untuk menyejukkan kembali keadaan dan memulihkan keadaan kampung yang terjejas oleh kemarahan alam gahib. Informan Karimon Lumaing (2019), menjelaskan upacara *amparawak* ini suatu ketika dahulu dilaksanakan dengan membunuh mereka yang terlibat dalam kesalahan besar seperti membuat hubungan sumbang dan

membunuh dan menyebabkan krisis (kepanasan). Kesalahan sosial lain yang lebih kecil dan ringan juga akan melalui upacara *rawak* seperti mencuri, menceroboh tempat tinggal alam ghaib dan terkena penyakit misteri. Masyarakat ini menggunakan darah binatang seperti babi dan ayam sebagai proses penyembuhan (*healing*).

Setiap kesalahan kecil juga perlu ditebus dengan melalui proses *rawak* atau *amparawak*. Kesalahan-kesalahan ini perlu dibayar dengan cukup pengorbanan binatang seperti babi dan ayam. Rasionalnya, agar perkara-perkara yang mendatangkan bahaya kepada kehidupan manusia tidak membelenggu mereka. Pelanggaran norma hidup masyarakat setempat dipercayai akan membawa musibah seperti kemarau yang panjang dan tanaman manusia tidak menjadi. Cerita mitos sebegini telah memberi gambaran tentang tindak-tanduk manusia yang terpesong dan mendatangkan kemudaratan kepada keseluruhan lapisan masyarakatnya. Namun disebalik kisah mitos ini penceritaannya telah membina daya moraliti yang tinggi dan satu piagam untuk manusia melakukan sesuatu yang benar. Ritual pembebasan juga terbina untuk memperbaiki hubungan dengan pencipta dan elemen-elemen perdamaian dapat dilakukan. Versi cerita keempat bertajuk *Tapulih* yang telah membentuk piagam masyarakat Murut Paluan telah diceritakan oleh informan *Aki Tuntunungon* orang tua (*ulun matuo*) Karimon Lumaing (2019), yang bertajuk *Tapulih*

Pada zaman dahulu terdapat manusia yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kehidupan dilangit atau alam ghaib. Kisah yang paling terdekat ialah seorang pemuda bernama *Tapulih*. Pemuda ini dikata merupakan pemuda yang sangat baik dan suka menolong orang. Dia merupakan wakil yang telah dihantar ke dunia untuk menunjukkan sikap dan ajaran-ajaran yang baik. Sifatnya ini menjadikan dia sangat dihormati. Mereka percaya dia merupakan orang yang datang dari langit dan membantu manusia. *Tapulih* dikatakan selalu mengadakan hubungan dengan alam ghaib iaitu orang-orang di langit dan penjaga sungai, bukit, tanah, tasik, pokok dan batu untuk memudahkan pergerakannya mendapatkan makanan. Dia juga memohon kesembuhan melalui orang-orang ghaib, dia boleh menghilang dan melakukan hal-hal yang luar biasa. Banyak manusia belajar daripada *Tapulih* untuk masuk ke dunia luar dan berkahwin dengan mereka. Sikap *Tapulih* yang terbuka itu menyebabkan orang Murut Paluan mula mengenali banyak ilmu dan banyak belajar terutama perkara mengenai pantang larang dan adat ketika berada di hutan. *Tapulih* juga membawa erti nama yang bermaksud memulihkan.

Dalam versi cerita di atas, masyarakat Murut Paluan mempunyai kecenderungan membuat perilaku ritual mereka berdasarkan kepada cerita *Tapulih*. Kepercayaan mereka terhadap amalan nenek moyang mereka berkisar mengenai bentuk pemujaan tempat-tempat sakral. Kisah *Tapulih* ini, diikuti kerana mereka menganggap susuknya telah menunjukkan cara untuk menemukan kesembuhan, kebaikan dan petanda-petanda yang bakal berlaku. Kepercayaan yang dirintis ini merupakan tindakan ritual yang berlanjutan kerana diawali tokoh protagonis dalam bidang sosial dan rohani.

Pemujaan terhadap alam ghaib telah mencipta rangkaian kepercayaan yang diterima dalam kehidupan mereka. Sistem ini hidup dan diterima sebagai dogma yang mempengaruhi budaya mereka. Fitrah untuk melakukan pemujaan juga menjadi konsep pemikiran yang biasa. Cerita ini, mengandungi pengaruh kepercayaan animisme. Kepercayaan animisme menurut E.B Tylor (1823:377), adalah sesuatu kepercayaan yang didasari oleh anima yang merujuk kepada jiwa atau roh, anggapan yang menganggap batu, pohon atau pergunungan yang memiliki kekuatan magis yang kemudian diwarisi daripada leluhur peribumi. Kepercayaan ini mempunyai persamaan dalam cerita mitos di atas yang diluaskan mengenai ketokohan seorang pemuda yang dipercayai sebagai kiriman dari susunan kosmologi langit. Walaupun cerita ini terdapat gejala untuk memohon bantuan kepada makhluk lebih rendah daripada asal kemunculannya dari langit. Namun cerita ini memberi gambaran akan sifat manusia yang sesungguhnya adalah sederhana dan sangat bergantung kepada dunia luar untuk mentafsir kehidupan mereka.

Selain itu, cerita ini juga boleh disokong dengan kisah *Babalian* yang masih ada sehingga sekarang dalam masyarakat Murut Paluan sebagai penghubung yang istimewa untuk berkomunikasi dengan semangat atau alam ghaib yang tidak kelihatan. Mereka dituntut untuk menjalinkan hubungan dengan alam ghaib bagi keharmonian dengan manusia. Pada peringkat versi penceritaan ini manusia digambarkan sebagai makhluk yang sangat bergantung kepada alam ghaib untuk memohon kehidupan yang lebih baik. Keakraban manusia dengan alam ghaib telah melahirkan satu golongan manusia yang luar biasa kerana memiliki kebolehan yang luar biasa dan membantu masyarakat di sekelilingnya. membantu *Babalian* untuk membangunkan semangat baik dan jahat serta membuat pengusiran melalui pengubatan tradisional. Semua bentuk pengusiran ini tidak dapat dilihat secara fizikal namun perlakuan *Babalian* membolehkan beberapa simbolik pergerakan dan nada suara ketika membacakan nyanyian mantera.

Masyarakat Murut menganggap bahawa cerita mitos ini merupakan bermulanya peranan pertama *Babalian* dalam menjadi penghubung kepada dunia luar. *Babalian* merupakan bomoh atau dukun perempuan yang terdapat dalam kalangan Murut Paluan. Mereka merupakan pengantara dua dunia yang bertindak seperti shaman yang menurut Ramesh Chopra (2005: 712-713), bahawa *shamanism* adalah kepercayaan bahawa seperti seorang dukun yang menjadi pengantara atau dipilih untuk menghubungkan dua alam iaitu alam manusia dan alam ghaib. Sandaran masyarakat setempat kepada adalah luas iaitu *Babalian* merupakan juga individu yang dirujuk sebagai seorang wanita dan mempunyai kebolehan mengubati dan memulihkan penyakit serta semangat orang sakit. Mereka menggelarkan *Babalian* sebagai pakar untuk menghindari sebarang penyakit dan gangguan semangat yang tidak baik. Dalam hal ini, *Babalian* mampu membuat rundingan untuk memohon pertolongan kepada alam ghaib. Makhluk ghaib dipercayai boleh hadir di dunia manusia dan memberi sarana untuk merawat penyakit manusia yang berkenaan dengan kejiwaan (Mircela Eliade 1972 3-7).

Watak *Babalian* dalam masyarakat Murut Paluan adalah sangat penting sebagai penentu kepada adat dan pantang larang yang perlu dipatuhi untuk menjaga keselamatan dan keharmonian kawasan yang diduduki masyarakat sub etnik Murut Paluan. Biasanya golongan ini mempunyai kuasa untuk menetapkan pantang-larang dan adat untuk mengawal tindak-tanduk kehidupan berkumuniti. *Babalian* selalu dijadikan rujukan untuk membuka sesuatu kawasan dan panduan untuk melakukan sesuatu contohnya memberi nama anak, membuka sesuatu kawasan dan sebelum meninggalkan sesuatu tempat. Cerita mitos yang seterusnya diceritakan oleh *Babalian Aru Ganiem Tungkuyan* (2018), bagaimana *Babalian* masyarakat Murut Paluan yang menjalinkan dengan dunia luar dan membantu mereka daripada cerita mitos yang bertajuk "*Ei Adu Thor atau Aru Tawol*". Tuhan telah memberikan kuasa kepada "*Ei Adu Thor atau Aru Tawol*" yang dipercayai dianggap sebagai utusan Tuhan kerana merupakan permulaan kewujudan bagi institusi *Babalian* dalam kalangan orang Murut Paluan. Mereka percaya akan kebolehan dan kesaktian *Ei Adu Thor* atau *Aru Tawol* dalam mengubati pelbagai jenis penyakit yang dihadapi oleh manusia dan juga makhluk lain termasuk makhluk dunia alam lain. *Adu Thor* atau *Aru Tawol* mempunyai sifat ketuhanan yang luar biasa dan mudah membantu apabila masyarakat Murut ditimpa masalah dan malapetaka. Kesaktian dan kemahiran perubatan yang telah dimiliki oleh *Adu Thor* atau *Aru Tawol* telah diwarisi oleh manusia dalam kalangan subetnik Murut Paluan yang hendak dipilihnya. Sehingga ke hari ini kewujudan institusi *Babalian* dalam kalangan subetnik Murut Paluan dipercayai bermula daripada ilmu dan kuasa yang di turunkan oleh *Adu Thor* atau *Aru Tawol* (*Babalian Aru Ganiem Langkam* 2018).

Cerita Mitos ini secara ringkasnya mengisahkan mengenai *Adu Thor* atau *Aru Tawol* yang telah pergi ke hutan kemudian bertemu dengan binatang yang berupa *Mayan* (buaya). Buaya tersebut telah mengetahui kebolehan *Adu Thor* atau *Aru Tawol* untuk mengubati pesakit. Buaya tersebut tidak memberitahu bahawa buaya tersebut memerlukan pertolongan *Aru Tawol*. *Aru Tawol* telah mengikut buaya tersebut masuk ke dalam sungai. Sesampai saja mereka di dalam sungai *Aru Tawol* sangat terkejut kerana keadaan dalam sungai tersebut seperti sebuah perkampungan dan mempunyai rumah-rumah sebagai

tempat kediaman buaya tersebut. Buaya yang membawa *Aru Tawol* menunjukkan keadaan seekor buaya lagi yang sedang tercekik dan hampir mati kerana tulang.

Sebelum proses pembedahan dijalankan *Aru Tawol* dan Buaya tersebut telah membuat perjanjian. Antara perjanjian tersebut ialah jika *Aru Tawol* berjaya mengeluarkan tulang daripada leher buaya yang tercekik tadi maka Buaya tidak boleh memakan keturunan yang *Aru Tawol*. Jika sebaliknya berlaku, maka *Aru Tawol* akan dibunuh. Selepas membuat persetujuan tersebut *Aru Tawol* telah melakukan rawatan *ambutus* (menghisap untuk mengeluarkan tulang pada leher buaya tersebut) rawatan itu dilakukan dengan sangat mudah dan *Aru Tawol* telah berjaya mengeluarkan tulang yang tercekik di leher buaya tersebut.

Setelah segalanya selesai, *Aru Tawol* tidak terus kembali ke tempat asalnya di bumi tetapi telah tinggal di bawah bumi sehingga mengandung. Setelah mengandung barulah *Aru Tawol* balik semula ketempat asalnya kemudian keturunannya berkembang dan Murut Paluan percaya sebahagian keturunan *Aru Tawol* adalah terdiri daripada sub etnik Murut Paluan yang masih ada sekarang.

Peranan dan fungsi *Babalian* dan *Bombohizan* yang terdapat dalam etnik Kadzana Dusun adalah hampir sama iaitu bidang kepakaran mereka adalah dalam menyembuhkan penyakit. Mereka mempunyai kemampuan untuk menyembuhkan penyakit secara batin atau spiritual. Beberapa upacara pembedahan tradisional dilakukan secara ritual untuk merawat pesakit dengan cara memanggil, memuja dan menghalau semangat jahat. Latar belakang sub etnik Murut Paluan yang penuh dengan adat dan pantang larang telah meluaskan kuasa *Babalian* untuk memiliki kemampuan menyembuhkan dalam komuniti tersebut. Nasihat dan pandangan seorang *Babalian* yang mampu berhubung dengan semangat halus dan ghaib merupakan landasan untuk mengelakkan sebarang gangguan dan melakukan proses rundingan dalam upacara pembedahan seperti *ambiak*. Sub etnik ini percaya bahawa prose pembedahan tradisional merupakan proses terbaik dan paling mudah untuk memulihkan mereka dan membawa perdamaian antara manusia dan semangat yang tidak kelihatan. Selain itu, *Babalian* juga adalah individu yang dikatakan mampu melihat masa depan orang lain berdasarkan kepada keadaan-keadaan tertentu, melalui fizikal seseorang, tapak tangan dan melalui mimpi ketika melakukan pembedahan tradisional. Berpandukan kepada tekaan dan ramalan *Babalian* maka sesuatu perkara yang tidak diinginkan boleh dihindari lebih awal. (*Babalian Aru Ganiem Tungkyuan 2018*)

Babalian merupakan pemberian daripada "*Aki Kinapuno*". Masyarakat Murut Paluan percaya mereka yang mempunyai pertalian darah dengan keturunan *Babalian* adalah istimewa kerana mampu berhubung dengan dunia sakral dan mempunyai kebolehan mengubat pesakit secara ritual. Pemilihan menjadi seorang *Babalian* adalah bukan dilakukan secara kemahuan atau pun rela hati daripada seorang individu. *Babalian* telah dipilih dalam kalangan masyarakat Murut Paluan dan pemilihan ini dilakukan dengan cara diuji dan *Babalian* terpaksa melalui pelbagai situasi yang sukar termasuk sakit kuat, hampir gila, tiba-tiba pengsan dan bermacam-macam penampakan terhadap makhluk alam ghaib. Mereka percaya bahawa tidak semua akan menguasai ilmu mengubat yang dimiliki oleh seorang *Babalian*. Semua ujian yang telah dilalui akan melahirkan seorang *Babalian* yang tahan dan memiliki sifat-sifat sabar dan tabah serta berkemampuan untuk menerima kuasa yang mistik daripada *Aki Kinapuno* yang memilih mereka.

Mitos ini telah menyebabkan bermulanya kepercayaan sub etnik Paluan untuk meneruskan upacara pembedahan ritual ini dan menjadi semakin kuat kerana mereka masih memegang kepada perjanjian yang telah berlaku di antara *Aru Tawol* terhadap buaya tadi sehingga ke hari ini. Amalan kepercayaan ini juga telah mengawal dan mempengaruhi pemikiran mereka dan menjadi amalan sehingga ke hari ini. Berdasarkan kepada cerita mitos tersebut sub etnik Murut Paluan percaya kehadiran insistensi *Babalian* dalam kalangan subetnik Murut Paluan memenuhi tuntutan kepercayaan yang ada untuk melindungi diri mereka daripada malapetaka dan kejadian-kejadian lain yang tidak diinginkan. Mereka juga percaya bahawa pentingnya membuat

perdamaian dan menjaga hubungan dengan alam ghaib untuk mendapatkan kehidupan yang seimbang.

KESIMPULAN

Masyarakat Murut Paluan yang tinggal di bahagian pedalaman Sabah masih lagi dipengaruhi oleh amalan yang masih dikawal oleh cerita mitos. Walaupun perkembangan ekonomi dan pengetahuan mengenai dunia luar semakin berkembang. Namun cara hidup mereka masih mengamalkan adat dan istiadat yang masih kuat. Adat ini kemudian disusun dan diatur dalam satu sistem adat yang tidak berubah namun meresap dalam budaya masyarakat Murut Paluan. Semua adat ini masih mempunyai makna dan masih relevan diterima dalam masyarakat pengamalannya. Oleh yang demikian, kepercayaan ini merupakan faktor kepada pembentukan pemikiran masyarakat Murut Paluan dan menjadi pandangan hidup dalam kalangan Mereka. Dengan demikian, suatu pengetahuan yang mendasar muncul daripada cerita mitos dapat dihubungkan dengan manusia dan alam sekeliling. Pengetahuan ini kemudiannya berkembang menjadi alat pengawal tingkah laku dalam komuniti mereka.

Cerita mitos telah meneguhkan fungsi mitos sebagai memenuhi keperluan budaya primitif sebagai sumber piagam. Cerita mitos yang masih tersimpan merupakan khazanah penting yang telah menjadikan adat, pantang larang, moraliti dan cara bertindak masyarakat Murut Paluan mempunyai kawalan adat dan moral. Pengetahuan mereka yang luas dan disokong oleh institusi *Babalian* dan *Aki Tuntunungon* telah memastikan cerita mitos ini masih bertahan sehingga ke hari ini. Persona budaya yang disimpan dapat digambarkan dengan melihat kepada jalan cerita mitos yang memancarkan bentuk piagam yang dipatuhi dan menunjukkan jalan kehidupan yang perlu dilalui. Kerukunan hidup dalam bermasyarakat telah dijamin oleh cerita mitos yang bersahaja namun mempunyai pengaruh yang kukuh dan diamalkan dengan kepatuhan yang tinggi. Sistem adat yang unik dan kompleks dalam masyarakat peribumi Murut Paluan menjadikan tunjang watak dalam cerita mitos sebagai interpretasi yang cenderung memiliki kehidupan yang harmoni dan teratur. *Aki Kinapuno* sebagai pusat perhatian yang ditinggikan menjadi titik kepada kesedaran membangun komunikasi dan hubungan erat sebagai pengawal kehidupan yang perlu ditaati. Kuasanya pemusnah dan pemulih merumuskan dengan jelas tujuan piagam masyarakat Murut Paluan terbina. Piagam ini kemudian mempunyai pengaruh yang sangat ketara dalam sistem undang-undang selaku etnik yang mempunyai taraf anak negeri di Sabah. Undang-undang ini dihormati dan terpakai sehingga ke hari ini sebagai revolusi undang yang dipercayai dan dihormati oleh tamadun masyarakat Murut Paluan secara khususnya.

METODOLOGI

Kajian ini berorientasikan kajian lapangan dan disokong oleh kajian ilmiah kepustakaan. Penelitian kajian folklor ini merupakan penelitian dengan cara memerhati, menemubual dan melakukan catatan lapangan berdasarkan temu bual. Alat rakaman audio seperti pita, *memory card*, alat perakam suara digital (*voice recoder*) dan perakam video (*hande came*) digunakan untuk memudahkan penyelidikan supaya maklumat yang dikumpul diambil secara sempurna yang mungkin. Pengkaji sebagai instrument yang peka terhadap setiap reaksi informan dalam semua aspek keadaan untuk mengutip semua data. Oleh kerana menggunakan kajian etnografi (*ethnographic studies*) pengkaji mencuba memahami dan meneliti nilai budaya, cara hidup dan pegangan yang terkandung dalam folklore yang dituturkan. Oleh itu, penyelidik sedaya upaya menggunakan informan iaitu *human instrument* untuk mengetahui nilai-nilai yang terdapat dalam folklor masyarakat Murut. Mereka menyebut individu yang mahir dalam bidang ini dipanggil sebagai "*Aki Tuntunungon*". Kerja lapangan ini bertujuan untuk mengumpul data yang masih ada dalam memori informan.

RUJUKAN

- Bascom, R. William. (1965). The Forms of Folklore: Prose Narrative. *The Journal of American Folklore*. 78 (307) Jan-Mac: 3-20.
- Djamhari. (1988). *Agama dalam Perspektif Sosiologi*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Dirjen Dikti, Proyek Pengembangan lembaga Pendidikan Tenaga Kependidikan.
- Edward Burnett Tylor (1873). *Primitive Culture Researches into Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom*. London: John Murrey: 377.
- Hanafi Hussin. (2007). Ritual, Identiti dan Perubahan di Pantai Barat Sabah: Pengalaman Komuniti Kadazan Penampang. *JATI. Journal of Department of Southeast Asian Studies. University of Malaya*. Vol. 12: 190.
- Hanafi Hussin. (2005). Ritual Padi Komuniti Kadazan Dataran Penampang, Sabah. *JATI. Journal of Department of Southeast Asian Studies. University of Malaya*. Vol. 10: 176.
- Harris, Annette Suzanne. (1995). *The Impact of Christianity on Power Relationships and Social Exchanges: A Case Study of Change Among the Tagal Murut. Sabah. Malaysia. Doctoral dissertation. School of Intercultural Studies*. Biola University. Michigan: UMI Dissertation Service:72-75.
- Hassan Shadily. (2012). "Animisme," dalam *Ensiklopedi Umum*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius, (20): 62.
- Hayat, Muhammad. (2003). Bertahannya Tradisi Tengger dalam Masyarakat Yang Sedang Berubah dalam Nuruddin dkk., *Agama Tradisional: Potret Kearifan Hidup Masyarakat Samin dan Tengger*. LkiS: Yogyakarta.
- Kirk, G.S. (1984). On defining myths. Dlm. Dundes, A. (ed.). *Sacred Narrative: Readings in the Theory of Myth*. Berkeley: University of California Press. 53-61.
- Low, K.O. and Sri Ningsih. (2013). Pandangan dunia dan konteks upacara dalam Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut. *Akademika* 83(2&3): 47-59.
- Malinowski Bronislaw. (1971). *Myth Primitive Psychology*. New York: Negro Universities Press: 78
- Mircea Eliade, *Shamanism, Teknik-teknik Kuno Khayal* (Bollingen: Princeton University Press, 1972), 3-7.
- Rahmat, S. H (Dr), (1979) *Dari Adam Sampai Muhammad, Sebuah Kajian Mengenai Agama-Agama*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ramesh Chopra. (2005). "Shamanism,". Dlm. *Encyclopedic Dictionary of Religion*, 3: 712-713.
- Ramesh Chopra. (2005). "Spiritism". Dlm. *Encyclopedic Dictionary of Religion* (Delhi: Isha Books: 742.
- Skeat, Walter William. (1965). (1st published 1900). *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsular*. London: Frank Cass and Co. Ltd: 673
- Spitzack, John. A (ed.). (1984). The Murutic Language Family. *Languages of Sabah: A Survey Report*. Australia: The Australian National University: 187-189.
- Weiser Llc. (2010) "Animism". Dlm. *Encyclopedia of the Unseen World*. San Francisco: Constance Victoria Briggs.
- Winstedt, R.O. (1924) Keramat: Secred Places and Person in *Malaya. Journey of The Malayan British Royal Asiatic Society*. Vol. 2: 265-279.
- Ganiam Langkam. (2018). *Babalian dan Pengubatan ambiak*. Sabah. Temu bual, 26 Mac.
- Karimon Lumaing. (2019). *Cerita Mitos*. Sabah. Temu bual, 20 Januari.
- Musikin Ugau. (2019). *Cerita mitos*. Sabah. Temu bual, 20 Januari